



Bekerjasama untuk Mencegah Rasuah



3M komited untuk menjalankan perniagaan dengan integriti, bebas daripada pengaruh rasuah atau sogokan dalam apa-apa jua bentuk. Sebagai salah satu daripada rakan perniagaan kami yang dihargai, kami mengharapkan anda akan bertindak mengikut undang-undang dan secara beretika dalam semua perkara yang anda lakukan. Maklumat dalam risalah ini menerangkan harapan dan komitmen kami untuk bekerjasama dengan anda bagi memastikan perniagaan dijalankan dengan cara yang betul.

3M Compliance & Business Conduct
3M Center, St. Paul, MN 55144
USA
www.3M.com/businessconduct
© 3M 2016. All rights reserved

Visi 3M

Kami di 3M menghargai perhubungan kami dengan rakan-rakan perniagaan. Tanpa mengambil kira lokasi atau produk mahupun perkhidmatan yang anda berikan, anda memainkan peranan penting dalam usaha kami untuk mencapai Visi kami.

Our Vision

3M Technology Advancing Every Company

3M Products Enhancing Every Home

3M Innovation Improving Every Life



Komitmen 3M untuk Menentang Rasuah

3M menjalankan perniagaan secara beretika dan mematuhi undang-undang bukan sahaja di Amerika Syarikat tetapi juga di semua negara yang kami beroperasi. 3M memilih rakan perniagaan dengan teliti iaitu mereka yang berkongsi nilai dan komitmen terhadap integriti. Harapan kami ialah anda akan mengendalikan perniagaan anda dengan cara yang bebas daripada sogokan dan rasuah.

Apabila sogokan dan rasuah dihapuskan daripada proses perniagaan, setiap syarikat bersaing berdasarkan teknologi, produk dan perkhidmatan pelanggan. Dalam lapangan yang saksama, setiap orang mempunyai peluang yang sama untuk mendapatkan perniagaan dengan cara yang jujur!

Mencegah sogokan dan rasuah ialah perkara yang betul untuk dilakukan. Langkah ini juga membentuk perniagaan yang baik. Sebagai sebahagian daripada Tatakelakuan kami, Prinsip Antirasuah 3M memastikan bahawa kami mematuhi undang-undang antirasuah global, termasuk di Amerika Syarikat. Akta Amalan Rasuah Asing, Akta Rasuah U.K. dan perundangan dari semua negara yang kami beroperasi.

Harapan 3M berkenaan Rasuah

3M melarang sogokan dan rasuah dalam semua bentuk, tanpa mengambil kira adat dan amalan perniagaan yang mungkin wujud di negara tertentu dan kami mengharapkan rakan perniagaan kami mematuhi semua undang-undang.

- Rasuah yang melibatkan individu, pekerja syarikat swasta dan pegawai kerajaan adalah melanggar undang-undang yang berkenaan dan juga Tatakelakuan 3M.
- Rasuah wujud dalam banyak bentuk, seperti hadiah, keraian, dan perjalanan yang berlebihan atau sumbangan amal, sogokan, sumbangan politik, mahupun bayaran pemudah yang sedikit atau bayaran “suapan”.



- Pertolongan atau janji, seperti tawaran untuk menggaji saudara-mara pegawai kerajaan atau memberikan diskaun tidak sepatutnya yang tidak diberikan kepada orang lain juga boleh dianggap sebagai rasuah dan melanggar Tatakelakuan kami dan undang-undang yang berkenaan.

Cara 3M Menjalankan Perniagaan

Hanya satu cara untuk menjalankan perniagaan di 3M iaitu cara yang betul. Tatakelakuan kami menyediakan bimbingan yang jelas kepada pekerja 3M dan rakan perniagaan yang bertindak bagi pihak 3M, berkenaan dengan cara membuat keputusan beretika yang baik pada setiap hari. Tatakelakuan dan Prinsip Antirasuah kami boleh didapati di www.3M.com/business-conduct

3M mempunyai sejarah yang lama berkaitan prestasi yang kukuh dan operasi bertaraf dunia berdasarkan reputasi syarikat kami yang luar biasa dan hasil kerja warga kami. Bersama-sama kami memberikan kesan terhadap cara perniagaan dijalankan di seluruh dunia dengan mengetahui peraturan, membuat pilihan yang betul dan mendapatkan bimbingan apabila kami mempunyai kebimbangan atau keraguan tentang tindakan yang hendak dilakukan.

- 3M ialah ahli bagi United Nations Global Compact (UNGC) dan Kumpulan Kerja UNGC berkenaan Prinsip Kesepuluh.
- 3M dengan bangganya diiktiraf pada tahun 2016 oleh Ethisphere sebagai World's Most Ethical Companies ® untuk tiga tahun berturut-turut.
- 3M telah diiktiraf sebagai World's Most Admired Companies (Fortune)
- 3M ialah salah sebuah World's Most Respected Companies (Barron's)

Soalan

Perkara ini melibatkan bidang undang-undang yang kompleks dan dinamik, jika anda mempunyai sebarang soalan tentang maklumat yang terkandung dalam risalah ini atau anda mengesyaki berlakunya kelakuan yang tidak wajar, sila hubungi pegawai 3M yang bertanggungjawab atau Jabatan Pematuhan & Kelakuan Perniagaan 3M atau melayari laman web 3M-Ethics.com.